



SIARAN MEDIA

PERDANA MENTERI MALAYSIA MENYEMPURNAKAN 'UDA PEKAN BRIDGE RUN 2017'

Program Larian Anjuran UDA Seiring Mempromosi Pekan, Pahang Sempena Tahun Melawat Pahang 2017

Pekan, 22 Julai – Ekoran daripada sambutan yang amat memberangsangkan tahun lepas, UDA Holdings Berhad (UDA) sekali lagi terpanggil untuk menganjurkan 'UDA Pekan Bridge Run 2017' pada Sabtu, 22 Julai 2017 bertempat di Padang Majlis Daerah Pekan, Pahang. Program larian ini telah berjaya mengumpulkan lebih kurang 4,000 penyertaan bukan sahaja dari peserta tempatan bahkan juga dari peserta antarabangsa. Jumlah penyertaan pada tahun ini ternyata lebih ramai berbanding pada tahun lepas dan program larian ini telah mendapat sambutan yang hangat sejak pendaftaran dibuka pada 3 Jun yang lalu.

Meskipun yuran penyertaan telah dinaikkan mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu RM75 bagi kategori 21 kilometer (Lelaki Antarabangsa, Wanita Antarabangsa, Lelaki Terbuka Malaysia, Wanita Terbuka Malaysia, Lelaki Veteran Malaysia dan Wanita Veteran Malaysia), RM55 bagi kategori 12 kilometer (Lelaki Antarabangsa, Wanita Antarabangsa, Lelaki Terbuka Malaysia, Wanita Terbuka Malaysia, Lelaki Veteran Malaysia dan Wanita Veteran Malaysia) dan RM35 bagi kategori 5 kilometer iaitu Fun Run, namun yuran yang dikenakan oleh UDA adalah jauh lebih rendah berbanding yuran penyertaan untuk program larian yang lain. Hadiah untuk para pemenang larian yang berupa wang tunai mengikut kategori juga telah dinaikkan berbanding tahun

2016 iaitu RM1,200 bagi pemenang pertama kategori 21 kilometer, RM1,000 bagi kategori 12 kilometer dan RM500 bagi kategori 5 kilometer.

Pada kali ini, UDA telah menampilkan sedikit kelainan di mana slot cabutan bertuah turut di adakan selain memperkenalkan laluan-laluan larian yang baru untuk peserta 'UDA Pekan Bridge Run 2017'. Para peserta larian berpeluang membawa pulang pelbagai hadiah menarik di antaranya adalah barangan elektrik, peralatan sukan serta hadiah misteri yang lain. Kesemua peserta yang menyertai larian ini akan turut mendapat t-shirt larian, medal, nombor *bib* serta sijil penyertaan.

UDA sekali lagi cukup bertuah pada kali ini dengan kesudian YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk sama-sama menyerikan lagi program larian ini sekaligus menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut hadir sama memeriahkan program ini adalah YBhg Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah; Pengerusi Kumpulan UDA, Ahli-ahli Parlimen Negeri Pahang, YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar; Pengarah Kumpulan UDA; Pihak Berkuasa Tempatan serta Pengurusan Kanan UDA.

Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah, Pengerusi UDA berkata, "UDA menganjurkan 'UDA Pekan Bridge 2017' sebagai antara usaha meneruskan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk memperkukuh hubungan dengan masyarakat setempat khususnya. Program larian ini juga secara langsung dapat mempromosi bandar Pekan, Pahang sebagai destinasi pelancongan bertepatan dengan program Tahun Melawat Pahang 2017. Laluan larian akan mempamerkan beberapa lokasi 'must-visit' seperti Dataran Pekan, Muzium Sultan Abu Bakar dan beberapa tempat terkenal yang lain".

"Program larian kali ini menjanjikan pengisian program serta aktiviti yang lebih menarik lagi menghiburkan. Di samping menggalakkan serta menerapkan amalan dan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat, para peserta berpeluang untuk berlari bersama

artis-artis popular seperti Rashidi Ishak dan Vanida Imran dalam kategori 21km, manakala Mel Rockanova, Aepol Drama Band dan Ronnie Hussein pula akan bersama-sama memeriahkan kategori Fun Run 5km.”

Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah turut merakamkan ucapan terima kasih kepada penaja-penaja di atas sumbangan serta sokongan yang diberikan bagi menjayakan program ‘UDA Pekan Bridge Run 2017’ pada kali ini.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Norazuana Abdullah (Wana) | norazuana@udanet.com | +6019 223 9153
- Nor Akmalia Husaini (Intan) | akmalia@udanet.com | +6012 710 1102

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855